

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Sejak belakangan ini kesedaran terhadap cara-cara terbaik untuk memberi perkhidmatan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran telah meningkat. Pelaksanaan program pendidikan pemulihan khas di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah di negara ini merupakan sebahagian daripada program yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu pelajar-pelajar yang menghadapai masalah pembelajaran di dalam kelas.

Pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran jelas memerlukan pertolongan. Tanpa bantuan mereka akan gagal membina keyakinan diri untuk belajar dan tidak mendapat pengalaman yang menyeronokkan semasa di sekolah. Akibatnya mereka ketinggalan di dalam bilik darjah dan seterusnya pencapaian akademik mereka agak lemah jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lain yang sebaya dengan mereka. Keadaan menjadi lebih serius lagi apabila terdapat di kalangan pelajar-pelajar ini yang tidak dapat membaca dan menulis walaupun sudah tamat persekolahan di peringkat rendah. Lantaran itulah Kementerian Pendidikan telah menyusun program pemulihan ini bagi mengelakkan pelajar-pelajar ini daripada tercicir dari alam persekolahan.

Mengikut Brennan (1974), pendidikan pemulihan ditakrifkan sebagai pengajaran untuk penyesuaian dan pembetulan bagi murid-murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran.

Takrifan ini selari dengan pandangan Persatuan Pendidikan Pemulihan Kebangsaan United Kingdom (1975), yang mendefinisikan pendidikan pemulihan sebagai suatu proses pengajaran khas yang dirangka bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran di kalangan murid-murid di sekolah biasa. Pengajaran pemulihan juga dilihat oleh persatuan ini sebagai suatu tindakan khusus yang diambil untuk mengatasi keperluan pendidikan murid yang mengalami kesusahan dari aspek pembelajaran di dalam kelas khas di sekolah biasa atau di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan dalam kumpulan yang diasingkan untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1985) pula, pendidikan pemulihan adalah khusus untuk membantu sebilangan pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran di sekolah rendah terutamanya dalam masalah bahasa. Ini kerana perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak akan secara langsung mempengaruhi pemikiran dan seterusnya kejayaan atau kegagalan pendidikannya.

Bahasa ialah kunci pintu khazanah ilmu manakala bacaan ialah jaminan untuk mendapatkan ilmu (Koh, 1986). Penguasaan bahasa yang lemah akan menggugat kemajuan pelajaran dalam subjek lain. Ini kerana bahasa ialah alat komunikasi untuk mempelajari dan menguasai sesuatu disiplin ilmu itu. Kegagalan seseorang murid dalam ujian atau peperiksaan dapat dikaitkan dengan kegagalan murid itu untuk membaca dan memahami soalan -soalan yang dikemukakan(Koh, 1986; Gulliford, 1974).

Oleh yang demikian pengesanan dan pemulihan awal paling baik kerana kesalahan dalam kemahiran bahasa dapat diperbaik di peringkat awal persekolahan lagi bukannya di peringkat

sekolah menengah. Melalui pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 usaha untuk kembali kepada asas pendidikan dilakukan iaitu memberi fokus kepada kemahiran 3M dan penekanan kepada pendidikan pemulihan. KBSR menitikberatkan perbezaan dan keperluan murid secara individu. Dalam hal ini murid-murid yang dikenal pasti lemah dalam pembelajaran oleh guru melalui beberapa ujian diagnostik akan diberi pengajaran pemulihan sama ada di dalam kelas biasa atau di dalam kelas khas pemulihan.

Kementerian juga telah melantik beberapa ribu guru pemulihan khas untuk ditempatkan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara. Penempatan guru tersebut diharapkan dapat membantu merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan pemulihan di sekolah rendah. Pengajaran guru bertujuan untuk membetulkan sesuatu yang kurang atau membetulkan sesuatu yang salah. Justeru itu pengajaran guru perlu dirancang dan disusun dengan rapi berdasarkan aspek-aspek kelemahan pelajar. Teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu dipraktikkan mengikut keperluan dan pencapaian pelajar yang bermasalah ini.

Sesungguhnya komitmen dan kecekapan guru yang tinggi perlu bagi memastikan pendidikan pemulihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di samping itu kerjasama daripada semua pihak juga penting bagi melicinkan pelaksanaan program pemulihan di sekolah. Kajian ini akan meninjau pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu di sebuah kelas Peralihan dari beberapa aspek. Secara khususnya kajian ini akan melihat permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pemulihan dalam melaksanakan program ini di peringkat sekolah menengah. Selain itu dalam kajian ini penyelidik akan mengupas punca atau sebab yang menimbulkan permasalahan yang berlaku dalam program pemulihan. Diharapkan pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi permasalahan yang berlaku supaya Program

Pemulihan Bahasa Melayu di kelas tingkatan Peralihan dapat dilaksanakan dengan lancar dan seterusnya mencapai matlamat dan objektif yang telah dirancangkan.

1.2 Penyataan Masalah

Program pendidikan pemulihan amat diperlukan oleh murid-murid lambat khususnya di peringkat sekolah rendah di luar bandar. Oleh yang demikian pihak Kementerian Pendidikan telah mengadakan pelbagai usaha untuk mengadakan dan meningkatkan program pemulihan di sekolah kerana pendidikan pemulihan dapat membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya dalam membaca, menulis dan mengira. Surat pekeliling yang bertajuk 'Kelas Khas Pemulihan di Sekolah Rendah 1986' yang mempunyai rujukan KP (BS) 8502/5//PK/Jld. V (26) memaklumkan bahawa semua sekolah rendah yang mempunyai guru khas pemulihan adalah dikehendaki melaksanakan program pemulihan di sekolah masing-masing. Di samping itu Pusat Perkembangan Kurikulum (1985) menegaskan Kurikulum Baru Sekolah Rendah adalah menitikberatkan perbezaan keperluan murid dan individu. Murid-murid yang lemah dalam pembelajaran akan diberi pengajaran pemulihan.

Di Malaysia program pendidikan pemulihan pada dasarnya masih baru lagi. Tidak semua maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi di negara kita menawarkan kursus untuk guru-guru dalam bidang pendidikan pemulihan. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan atau jabatan Pendidikan Negeri pula kebanyakannya menumpukan perhatian kepada guru-guru sekolah rendah sahaja. Tambahan pula dalam sistem persekolahan

di Malaysia pendidikan pemulihan hanya dilaksanakan secara rasmi di peringkat sekolah rendah (Jais Sahok dan Mat Nor Hussin, 1990). Oleh itu di peringkat sekolah menengah program ini seolah-olah dipinggirkan dan kurang mendapat pengiktirafan daripada pihak yang berkenaan dan seterusnya telah banyak menimbulkan masalah dan cabaran dalam melaksanakan program pemulihan di sekolah.

Murid-murid yang menghadapi masalah atau kesulitan dalam pembelajaran juga dikenal sebagai 'murid lambat' (Chua dan Koh, 1992). Jais Sahok dan Mat Nor Hussin (1990) pula menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian yang rendah dalam membaca, menulis, dan membuat taakulan diberi label sebagai 'kanak-kanak lembam' oleh para pendidik. Pada hemat penyelidik terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan murid-murid lambat ini menghadapi kesulitan dalam pembelajaran. Murid-murid ini seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya pada peringkat awal lagi supaya tidak terus tercicir dalam pembelajaran dan hidup mereka. Hal ini kerana masih terdapat pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran asas 3 M diperingkat sekolah menengah.

Pada umumnya masalah dan kegagalan murid-murid ini bukan disebabkan sesuatu kecacatan fizikal atau mental yang serius. Mereka memperlihatkan taraf prestasi yang tidak memuaskan untuk menguasai sesuatu kemahiran yang dapat dikuasai oleh rakan-rakan sebaya mereka. Mereka sering melakukan kesalahan dalam kerja-kerja sekolah dan memperoleh keputusan ujian dan peperiksaan yang kurang memuaskan (Syed Abu Bakar Syed Akil, 1997). Jadi kajian ini akan melihat masalah pembelajaran yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar kelas Peralihan yang mempunyai pencapaian yang rendah dan penguasaan Bahasa Melayu yang lemah. Mereka memerlukan pendidikan pemulihan supaya dapat bergerak seiring dengan rakan-rakan sebaya yang lain.

Namun begitu kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kejayaan yang dicapai dalam pengajaran pemulihan tidak begitu memberangsangkan. Mengikut kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas di Sekolah Rendah oleh Kementerian Pendidikan (2002) seramai lebih kurang 78,000 orang murid sekolah rendah yang mengikuti program pemulihan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 1999. Bilangan murid yang mengikuti program pemulihan Bahasa Melayu ini telah meningkat pada tahun 2000 menjadi seramai lebih kurang 86,000 orang. Daripada jumlah itu hanya lebih kurang separuh jumlah murid-murid yang mengikuti program pemulihan pada kedua-dua tahun tersebut yang berjaya dipulihkan. Hal ini menunjukkan kajian perlu dilakukan bagi memperbaik keadaan tersebut. *Kajian ini akan melihat masalah menguasai kemahiran asas 3M di kalangan murid-murid sekolah rendah ini akan berterusan apabila mereka pergi ke sekolah menengah sehingga menyebabkan pihak sekolah perlu mewujudkan sebuah kelas khas bagi menangani masalah pembelajaran pelajar-pelajar ini.*

Kadar buta huruf dan gejala keciciran akan meningkat jika keadaan ini berlaku secara berterusan. Hal ini juga akan memberi impak yang besar kepada sistem pendidikan negara. Matlamat Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) khasnya dan Kurikulum Bersepadu sekolah Menengah (KBSM) amnya tidak akan tercapai dan mengalami kegagalan. Jadi kajian ini dirasakan perlu kerana dapat meninjau masalah yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah rendah yang masih tidak dapat menguasai kemahiran asa 3M.

Sesungguhnya KBSR dilaksanakan dengan harapan kadar buta huruf dapat dikurangkan namun setelah 20 tahun masalah murid-murid lembam ini belum sepenuhnya dapat diatasi. Menurut anggaran Jawatankuasa Pelaksana KBSR di Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1985, terdapat lebih kurang 10% hingga 20% murid sekolah rendah mempunyai masalah

pembelajaran. Sememangnya terdapat 13% murid sekolah rendah yang menghadapi masalah pembelajaran pada akhir persekolahan mereka (Brennan, 1974).

Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pula menunjukkan masih terdapat sebilangan murid yang mencapai penguasaan kemahiran asas 3M di bawah tahap minimum iaitu pangkat D dan E. Pada dasarnya murid-murid inilah yang perlu mengikuti program pendidikan pemulihan untuk membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M. Kajian ini perlu kerana hendak menunjukkan bahawa murid-murid yang tidak mencapai penguasaan kemahiran 3M ini terutamanya daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil apabila mereka ke sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar akan menghadapi masalah pembelajaran yang lebih serius. Oleh itu pengajaran pemulihan masih perlu dititikberatkan di peringkat sekolah menengah dan tidak diabaikan seperti yang berlaku pada masa kini.

Murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil yang tidak mencapai keputusan UPSR sepertimana yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan tidak boleh terus belajar ke Tingkatan satu sebaliknya akan ditempatkan di kelas-kelas Tingkatan Peralihan di sekolah menengah selama satu tahun. Tindakan ini dilakukan bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri untuk mempelajari beberapa mata pelajaran dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Dalam kajian ini dirasakan perlu perhatian diberikan kepada murid-murid yang tidak mencapai penguasaan 3M yang minimum ini apabila mereka pergi ke sekolah menengah. Penguasaan Bahasa Melayu yang sangat lemah menyebabkan mereka sukar memahami pengajaran guru. Secara realistiknya guru perlu berhadapan dengan seorang pelajar tingkatan Peralihan yang sebenarnya bertaraf murid Tahun Satu dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Keberkesanan program pemulihan di peringkat sekolah rendah ini terjejas dan tidak mencapai matlamat sepenuhnya kerana guru pemulihan sentiasa menghadapi masalah dalam menjalankan kerja-kerja pemulihan. Kajian Robiah K. Hamzah (1988) menunjukkan terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan seperti masalah beban kerja, masalah kemudahan fizikal, masalah kerkasama dan sokongan .

Pelbagai persoalan perlu dijelaskan bagi menjawab kemelut yang berlaku. Sebagai suatu program khas untuk pelajar-pelajar lambat, Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu ini tidak terlepas daripada melalui proses pelaksanaan, cabaran, dan permasalahan. Antaranya adalah berkaitan dengan kemampuan dan kepakaran guru dalam melaksanakan program ini. Persoalan yang timbul adakah mereka menghadapi masalah dalam melaksanakan program pendidikan pemulihan ini dari aspek tugas pengajaran dan bukan tugas pengajaran? Permasalahan yang ingin diteliti adalah sejauh manakah bentuk latihan, kepakaran dan kursus-kursus yang telah dilalui serta kreativiti yang dimiliki dapat memenuhi tuntutan program pemulihan untuk mengajar pelajar-pelajar yang bermasalah ini.

Faktor pelajar juga dianggap sebagai cabaran dalam melaksanakan program pemulihan ini. Pelbagai aspek diri dan kemahiran pelajar yang terlibat dilihat oleh penyelidik. Pemerhatian dan temu bual dengan pelajar-pelajar ini penting bagi mengetahui permasalahan yang wujud dalam diri pelajar semasa mengikuti program ini.

Di samping itu terdapat unsur-unsur lain yang menyumbang kepada permasalahan dalam melaksanakan program ini. Sejauhmanakah kerjasama yang diberi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam program pemulihan ini untuk menjayakan program yang masih belum diketahui.

Pemerhatian penyelidik dalam perkara ini dikira penting untuk melihat permasalahan dan cabaran yang berlaku yang mungkin akan mengganggu kelincinan program ini.

Oleh yang demikian tujuan kajian ini adalah untuk meneliti masalah dan cabaran yang dihadapi guru program pemulihan di dalam kelas Tingkatan Peralihan. Huraian tentang masalah yang dihadapi oleh guru tersebut akan dapat dijadikan garis panduan bagi meningkatkan kualiti pengajaran pemulihan yang mampu mengurangkan bilangan pelajar yang tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Semua pihak yang terlibat perlu menilai semula fungsi dan tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya banyak masa, tenaga, dan wang yang disumbangkan bagi memastikan program pendidikan pemulihan ini mencapai matlamatnya. Kesungguhan semua pihak adalah penting untuk menggembeling tenaga supaya dapat memberi kesan yang optimum kepada sekolah . Kajian ini akan menyumbangkan ke arah menambahbaikkan program pemulihan di sekolah.

1.3 Tujuan dan Soalan Kajian

Menurut Gulliford (1974), wujud pertalian yang rapat antara perkembangan bahasa seseorang murid dengan pertumbuhan pemikiran kerana bahasa merupakan alat pendidikan yang paling penting dan kesulitan menguasai bahasa menjadi salah satu punca kegagalan pembelajaran murid-murid. Oleh itu pelajar-pelajar yang menghadapi kesulitan pembelajaran dalam bidang bahasa perlu diberi bantuan dan bimbingan agar potensi individu ini tidak tenggelam. Program pendidikan pemulihan yang tidak dirancang dengan teliti dan tidak disusun dengan teratur akan menambah masalah yang sedia ada. Sikap sesetengah pihak yang melaksanakan program

pemulihan ini umpama melepaskan batuk di tangga tidak sewajarnya berlaku demi masa depan anak-anak didik. Kajian ini bertujuan untuk meninjau program pendidikan pemulihan yang dijalankan di peringkat sekolah menengah.

Menyedari kepentingan Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu ini kepada pelajar dan negara pada jangka masa panjang, penyelidik cuba mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan permasalahan dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan program pemulihan yang dijalankan di sebuah kelas Tingkatan Peralihan. Di samping itu penyelidik juga mensasarkan objektif untuk mengumpul dan merangsang idea serta cadangan-cadangan yang dapat membantu untuk meningkatkan kelincinan dan keberkesanan pelaksanaan program pemulihan di kelas Tingkatan Peralihan.

Kajian ini akan cuba menyelidik persoalan yang berhubung dengan pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu di sebuah kelas Tingkatan Peralihan di daerah Gombak, Selangor. Oleh itu kajian ini akan cuba menjawab soalan

- i) Sejauhmanakah wujudnya permasalahan dan cabaran dalam melaksanakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di dalam kelas Tingkatan Peralihan?

Soalan ini akan membantu dan memandu penyelidik untuk menjawab persoalan yang berikut:

- i) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendidikan pemulihan?
- ii) Mengapakah masalah-masalah itu muncul dan menjasakan keberkesanan program pemulihan?

Masalah-masalah ini dilihat berdasarkan perspektif peserta kajian dari beberapa aspek

seperti kemudahan fizikal, beban tugas, penyediaan alat bantu mengajar, hubungan dan kerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat, serta masalah-masalah yang berkaitan dengan pelajar.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran bahawa masih terdapat pelajar yang belum menguasai kemahiran asas 3M khususnya dalam aspek penulisan dan bacaan Bahasa Melayu terutamanya di kalangan pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang ditempatkan di kelas Tingkatan Peralihan. Jika masalah ini tidak dibendung dan berterusan pelajar-pelajar ini akan menjadi mangsa keciciran dan boleh menimbulkan masalah sosial yang lain kerana mereka tidak dapat mengikuti sukanan biasa seperti pelajar-pelajar lain. Seterusnya akan memberi kesan yang lebih buruk kepada pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

Suatu fenomena baru dalam dunia pendidikan telah wujud dengan kedatangan pelajar-pelajar lambat ke sekolah menengah. Oleh itu suatu mekanisme perlu diwujudkan bagi mengatasi permasalahan pelajar-pelajar ini. Justeru itu penyelidik berharap agar hasil kajian terhadap pelaksanaan dan kekangan dalam program ini dapat dijadikan panduan dalam menangani masalah yang berlaku.

Kajian ini penting kerana akan dapat memberikan maklumat tentang pentingnya dan seriusnya masalah ini kepada pihak-pihak yang terlibat dalam Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk membuat analisis dan penilaian serta memberi cadangan untuk memperbaik apa-apa kekurangan yang timbul.

Di samping itu kajian ini dapat memberikan gambaran tentang inisiatif guru pemulihan dan pihak sekolah dalam memastikan keberkesanan program di peringkat sekolah menengah. Dengan ini Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Jabatan Pendidikan Khas Kementerian pendidikan yang membuat pemantauan terhadap program ini dapat meningkatkan kualiti program dari semasa ke semasa.

Selain itu kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa bapa dan pihak-pihak yang terlibat tentang kepentingan Program Pemulihan Bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar yang menghadapai masalah pembelajaran. Semua pihak perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan memberikan sokongan serta kerjasama terhadap program yang dijalankan ini.

Dengan tersenarainya permasalahan dan kesannya kepada program ini penyelidik berpendapat bahawa kajian ini mampu untuk menyarankan cadangan-cadangan dan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk membaiki dan meningkatkan kualiti pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu berdasarkan analisis permasalahan di sekolah berkenaan.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan di sebuah sekolah di daerah Gombak, Selangor. Dengan kewujudan kelas Tingkatan Peralihan ini pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan kebolehan berkomunikasi secara effektif

sebagai persediaan untuk melalui pendidikan di sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Program pemulihan dijalankan jika didapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran biasa tidak berjaya dan tidak berkesan untuk membolehkan pelajar menguasai sesuatu kemahiran.

Memandangkan sumber tenaga dan bilangan sekolah yang mengadakan pengajaran pemulihan untuk Tingkatan Peralihan di dalam kelas khas pemulihan yang terhad maka peserta kajian melibatkan guru bahasa Melayu yang mengajar kelas Tingkatan Peralihan yang terlibat dengan program pemulihan (*peserta kajian utama*), pihak pentadbir sekolah, dan 15 orang pelajar Peralihan yang terlibat dengan Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu.

Tumpuan utama penyelidik adalah untuk memperoleh pengertian tentang masalah yang dikaji berdasarkan kaca mata peserta kajian (perspektif emic) dan bukannya perspektif penyelidik (Geertz, 1973; Marohaini Yusoff, 2001). Kajian adalah terhad dan kurang tepat untuk dijadikan sebagai petunjuk pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu bagi seluruh Malaysia.

1.6 Definisi Istilah Penting

Permasalahan

Mengikut Kamus Dewan (1992) permasalahan merupakan sesuatu atau segala-segala yang menjadi masalah, pelbagai masalah, persoalan.

Cabar

Menurut tafsiran Kamus Dewan (1992) cabaran adalah sesuatu (unsur, faktor) yang mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi).

Program

Kamus Dewan (1992) mendefinisikan program sebagai rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.

Pendidikan Pemulihan

Buku Panduan Am KBSR (1982) mentakrifkan pendidikan pemulihan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran belajar dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Bahasa Melayu

Menurut Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (1989) Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib dan telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan.

Kelas Peralihan

Mok Soon Sang (1992) mentakrifkan kelas Peralihan sebagai kelas yang menempatkan murid-murid dari sekolah aliran Cina dan Tamil selama satu tahun untuk membolehkan mereka menguasai Bahasa Melayu sebelum melangkah ke Tingkatan satu.